

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
 Bahagian FALSAFAH DAN TAMADUN  
 Semester 1, Sidang Akademik 2023/2024

---

**HFF225: FALSAFAH DAN ISU SEMASA**

---

### 1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah, iaitu epistemologi, metafizik, dan etika, dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini, pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

### 2. HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir kursus, pelajar dapat:

BIL	HASIL PEMBELAJARAN KURSUS	PO	LT	SS	KAEDAH PENILAIAN
CO1	Menjelaskan isu semasa berlandaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara	PO1	C2		Kuiz Ujian
CO2	Menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah	PO3	A3	CTPS1	Pembentangan
CO3	Menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan nilai falsafah sebagai asas bagi menjalankan dialog antara budaya.	PO6	A4	EM1	Esei

### 3. TENAGA PENGAJAR

NAMA	TEL	E-MAIL	WAKTU PERUNDINGAN
Dr. Aiza Maslan @ Baharudin	04-6532874	aizamaslan@usm.my	
P.M. Dr. Muhammad Azizan Sabjan	04-6533869	mazizan@usm.my	
Dr. Shohana Hussin	04-6535885	shohana@usm.my	
Dr. Mujahid Bakar	09-7677788	mujahid@usm.my	
Dr. Muhammad Syahrul Fitri Zawawi	09-7676974	msf.zawawi@usm.my	Melalui temu janji
P.M. Dr. Suhaila Abdullah	04-6535172	aila@usm.my	
Dr. Mohd Syahmir Alias	04-6532871	syahmir@usm.my	
Dr. Nur Izzaty Mohamad	04-6532877	izzaty@usm.my	

### 4. WAKTU KULIAH

PERTEMUAN	HARI	MASA	TEMPAT
Kuliah	Selasa	8.00 – 9.50 a.m.	Portal E-Learning USM
Secara dalam talian – segerak atau tak segerak			

## 5. PERANCANGAN KULIAH

Kursus akan diberikan dalam bentuk kuliah secara atas talian (*online*). Maklumat tambahan dan sebarang perubahan kecil pelaksanaan kuliah akan dimaklumkan menerusi portal E-Learning USM.

MINGGU/TARIKH	TOPIK KULIAH	PENSYARAH
1 17/10/2023 Kuliah Segerak	Taklimat dan Pengenalan Kursus Falsafah dalam Kehidupan	Dr. Aiza Maslan @ Baharudin
2 24/10/2023 Kuliah Tidak Segerak	Pengenalan kepada Ilmu Falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara	Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan Sabjan
3 31/10/2023 Kuliah Tidak Segerak	Kaedah-Kaedah Berfikir (I)	Dr. Aiza Maslan @ Baharudin
4 7/11/2023 Kuliah Segerak	Kaedah-Kaedah Berfikir (II)	Dr. Aiza Maslan @ Baharudin
5 14/11/2023 Kuliah Segerak	Metafizik (I)	Dr. Shohana Hussin
6 21/11/2023 Kuliah Segerak	Metafizik (II)	Dr. Shohana Hussin
7 28/11/2023 Kuliah Tidak Segerak	Psikologi dan Sosiologi (I)	Dr. Shohana Hussin
8 4/12/2023 – 10/12/2023	<b>CUTI PERTENGAHAN SEMESTER</b>	
9 12/12/2023 Kuliah Tidak Segerak	Psikologi dan Sosiologi (II)	Dr. Shohana Hussin
10 19/12/2023 Kuliah Segerak	Epistemologi (I)	Dr. Mujahid Bakar
11 26/12/2023 Kuliah Tidak Segerak	Epistemologi (II)	Dr. Mujahid Bakar
12 2/1/2024 Kuliah Tidak Segerak	Ideologi (I)	Dr. Muhamad Syahrul Fitri Zawawi
13 9/1/2024 Kuliah Tidak Segerak	Ideologi (II)	Dr. Aiza Maslan @ Baharudin
14 16/1/2024 Kuliah Tidak Segerak	Dekolonisasi	Prof. Madya Dr. Suhaila Abdullah
15 23/1/2024 Kuliah Segerak	Kajian Kes Terpilih	Prof. Madya Dr. Suhaila Abdullah

## 5.1. KEHADIRAN

- Pelajar yang tidak menanda kehadiran kuliah dan tidak menghantar kesemua komponen tugas (kecuali mempunyai alasan kukuh) akan diberi gred X.
- Pelajar dikehendaki terlibat dengan semua kuliah dalam talian dengan sentiasa meneliti laman sesawang E-Learning USM dan maklumat melalui kumpulan Telegram HFF225 (2023/24).

## 6. PENILAIAN KURSUS

Penilaian kursus ini ialah 100% kerja kursus yang dibahagikan seperti berikut:

Aktiviti	Markah	Tarikh Pelaksanaan/ Penyerahan	Kaedah
<b>KUIZ</b>	10%	Minggu ke-7	Melalui E-Learning
<b>PEMBENTANGAN</b>	30%	Minggu ke-9	Pelajar membentang tugasan secara berkumpulan (bersemuka / atas talian / rakaman audio visual)
<b>ESEI</b>	30%	Minggu ke-11	Dilaksanakan secara berkumpulan
<b>UJIAN</b>	30%	Minggu ke-15	Melalui E-Learning

## 7. GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KERJA KURSUS

### 7.1. KUIZ (10%) – Portal E-Learning

- Kuiz adalah komponen pentaksiran yang dilaksanakan secara atas talian di **portal E-Learning**.
- Penilaian dan pemarkahan kuiz adalah bersifat individu.
- Kuiz akan dilaksanakan pada **minggu ke 7**.

**PERHATIAN:** Pelajar bertanggungjawab penuh melaksanakan **KUIZ** secara atas talian pada tarikh dan masa yang ditetapkan kerana **TIADA ULANGAN KUIZ** akan dibuat.

## 7.2. PEMBENTANGAN (30%) – Pusat Pengajian

CO2	PO	LT	SS
Menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah	PO3	A3	CTPS1
<b>TARIKH PELAKSANAAN: MINGGU KE-9</b>			

- Pemarkahan pembentangan akan dinilai oleh **penyelia yang dilantik bagi setiap pusat pengajian pelajar.**
- Kumpulan pelajar perlu menyampaikan hasil penyelidikan kepada penyelia dan penyelia memberikan maklum balas kepada pelajar.
- Pembentangan boleh dijalankan secara bersemuka, atas talian atau menggunakan rakaman video.
- Pelajar perlu menyerahkan bahan pembentangan kepada penyelia dalam bentuk salinan elektronik sebelum pembentangan dijalankan.
- Masa pembentangan hasil kajian adalah sekitar 10 – 15 minit.
- Pembentangan hendaklah melibatkan semua ahli kumpulan dengan penilaian secara berkumpulan.

### RUBRIK PEMARKAHAN PEMBENTANGAN

Kriteria Penilaian	Pemberat daripada 30 Markah	Lemah	Sederhana	Baik	Cemerlang	Markah Maksimum
		0	1	2	3	
Tajuk yang menarik & relevan	10%	Tidak menarik & terlalu umum.	Menarik, tetapi masih terlalu umum.	Menarik & spesifik.	Menarik, spesifik, unik, & memberi gambaran penyelidikan yang impresif.	3
Daya tarikan visual & organisasi bahan yang disampaikan	20%	Tidak menarik.	Cukup menarik tetapi organisasi bahan tidak secara teratur.	Cukup menarik.	Daya tarikan visual yang tinggi dengan organisasi bahan secara teratur.	6
Gaya penyampaian	30%	Tidak menunjukkan minat dalam penyampaian.	Penyampaian yang sederhana.	Penyampaian yang jelas & koheren.	Penyampaian yang jelas, koheren & mengelakkan minat hadirin.	9
Kandungan menepati hasil kajian	20%	Bahan yang tidak relevan.	Kandungan menepati hasil penyelidikan tetapi penyampaian informasi tidak jelas.	Kebanyakan informasi hasil penyelidikan telah diliputi.	Penyampaian maklumat secara komprehensif, cukup jelas & teratur.	6
Kedinamikan kumpulan	20%	Tiada kerjasama antara ahli kumpulan.	Setiap ahli kumpulan melibatkan diri tetapi ada yang hanya membaca teks.	Mempunyai persiapan yang cukup.	Kerjasama semua ahli kumpulan sangat baik & penyampaian secara teratur & menarik.	6
<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>					<b>30 markah</b>

### 7.3. ESEI (30%) – Pusat Pengajian

CO3	PO	LT	SS
Menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan nilai falsafah sebagai asas bagi menjalankan dialog antara budaya	PO6	A4	EM1
<b>TARIKH PENGHANTARAN: MINGGU KE-11</b>			

- Pelajar secara berkumpulan dikehendaki menyediakan sebuah esei sekitar 15-20 halaman atau 5000-8000 patah perkataan.
- Penilaian markah esei adalah secara berkumpulan yang akan dinilai oleh **penyelia yang dilantik di setiap pusat pengajian pelajar**.
- Pelajar akan dibahagikan kepada kumpulan yang mengandungi 4-5 orang pelajar. Markah diberikan secara berkumpulan.
- Berdasarkan tema kajian yang disediakan, pelajar akan memberi cadangan tajuk kepada penyelia dan penyelia akan menentukan kesesuaian dan kelulusan tajuk tersebut.
- Esei hendaklah ditaip dengan menggunakan saiz fon 12 *Times New Roman* dan langkau dua baris.
- Esei mesti mempunyai senarai rujukan atau bibliografi yang menyenaraikan dengan lengkap semua rujukan yang telah digunakan. Esei mesti mempunyai rujukan gaya *APA*.

#### RUBRIK PEMARKAHAN ESEI

Kriteria Penilaian	Pemberat daripada 30 markah	Lemah	Sederhana	Baik	Cemerlang	Markah Maksimum
		0	1	2	3	
Tajuk yang menarik & relevan	10%	Tidak menarik dan terlampaui umum.	Menarik, tetapi terlampaui umum.	Menarik dan spesifik.	Menarik, spesifik, unik dan memberi gambaran penyelidikan yang impresif.	3
Data yang mencukupi & relevan	30%	Tidak mencukupi.	Cukup tetapi mempunyai masalah dalam kesahihan data yang dikutip.	Cukup dan kesahihan data tidak boleh dipertikaikan.	Cukup, data yang sahih, relevan dan saling berhubung kait.	9
Organisasi teks	10%	Tidak teratur.	Teratur tetapi tidak cukup pecahan bahagian.	Teratur dan bilangan bahagian yang mencukupi.	Struktur yang teratur, dan susunan bahagian yang koheren.	3
Tahap analisis yang berilmiah dan penghujahan yang konsisten & wajar	30%	Tiada analisis; hanya berbentuk deskriptif.	Analisis yang agak cetek.	Analisis yang sesuai dan mencukupi.	Analisis yang mendalam dengan penghujahan yang canggih & seimbang.	9
Format rujukan yang konsisten & sesuai	10%	Tiada sitasi.	Sitasi tidak lengkap; beberapa sumber tiada sitasi.	Format sitasi yang baik, tetapi bilangan sumber kecil.	Format yang baik, konsisten, bilangan sumber yang cukup dan sesuai.	3
Ketepatan ejaan & bahasa	10%	Banyak kesilapan ejaan dan bahasa.	Terdapat beberapa kesilapan ejaan dan bahasa.	Ketepatan ejaan dan bahasa.	Tiada kesilapan, dengan gaya penulisan yang berilmiah.	3
<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>					<b>30</b>

#### 7.4. UJIAN (30%) – Portal E-Learning

- Ujian adalah komponen pentaksiran yang akan dilaksanakan secara atas talian di **portal E-Learning**.
- Penilaian dan pemarkahan ujian adalah bersifat **individu**.
- Ujian akan dijalankan pada **minggu ke 15**.

**PERHATIAN:** Pelajar bertanggungjawab penuh melaksanakan **UJIAN** secara atas talian pada tarikh dan masa yang ditetapkan kerana **TIADA ULANGAN UJIAN** akan dibuat.

### 8. PERANCANGAN AKTIVITI UNTUK KERJA KURSUS BERKUMPULAN

MINGGU	AKTIVITI
3	Penentuan penyelia dan kumpulan pelajar. Perbincangan dalam kumpulan dan penetapan tajuk tugas bersama penyelia.
4	
5	
6	Kerja penyelidikan dan penulisan eseи.
7	
8	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER
9	<b>PEMBENTANGAN HASIL PENYELIDIKAN KEPADA PENYELIA. PENYELIA MEMBERI MAKLUM BALAS KEPADA KUMPULAN.</b>
10	Semakan akhir dan pembetulan eseи.
11	<b>PENYERAHAN ESEI KEPADA PENYELIA.</b>
12	Pemarkahan eseи oleh penyelia.
13	Penyelia menyerahkan markah kepada pusat pengajian masing-masing. Dua set markah – satu untuk pembentangan dan satu untuk eseи. Jumlah kedua-dua markah untuk setiap kumpulan. Setiap ahli kumpulan akan menerima dua set markah yang sama.
14	Markah <b>UJIAN</b> dan <b>KUIZ</b> akan diserahkan kepada <b>PENYELARAS</b> pusat pengajian untuk dicampurkan dengan markah eseи dan pembentangan. <b>PENYELARAS</b> pusat pengajian masing-masing akan memasukkan keseluruhan markah pelajar ke dalam sistem di <b>PUSAT PENGAJIAN</b> masing-masing.
15	

## 9. CADANGAN TEMA UNTUK KERJA KURSUS BERKUMPULAN

TEMA/TOPIK
Isu berkaitan etika alam sekitar
Isu berkaitan agama dan masyarakat
Isu berkaitan kecerdasan buatan (AI)
Isu berkenaan dengan matlamat pendidikan
Kupasan terhadap wabak pandemik COVID19
Isu berkaitan pemerintahan dan politik setempat
Kupasan terhadap persepsi pelajar terhadap disiplin falsafah
Isu berkaitan penghayatan seni sebagai suatu item budaya
Kupasan terhadap impak revolusi industri 4.0 kepada masyarakat
Kupasan terhadap kepentingan pemikiran kritis kepada kehidupan individu dan negara
Kupasan terhadap makna hidup ( <i>the meaning of life</i> ) sebagai renungan pelajar universiti
<b>ATAU</b> apa jua isu semasa dan kontemporari yang mempunyai impak yang luas yang dicadangkan oleh kumpulan pelajar dan diluluskan oleh penyelia.

Kerja penyelidikan berkumpulan boleh berasaskan kaedah kutipan data empirikal ataupun merupakan satu penyelidikan perpustakaan (kajian teks – konseptual, teoretis)

## 10. PENYELIAAN DAN PEMANTAUAN TUGASAN

- Setiap kumpulan akan diletakkan di bawah seorang penyelia yang dilantik oleh pihak pusat pengajian masing-masing.
- Pelajar boleh mendapatkan nama penyelia di pusat pengajian masing-masing bermula pada minggu kedua.
- Setiap kumpulan akan memilih satu topik yang sama untuk pembentangan dan tugas.
- Pelajar perlu berbincang dan berhubung dengan penyelia berkaitan perkembangan aktiviti kumpulan dari masa ke semasa.
- Penyelia akan memantau kemajuan aktiviti pelaksanaan kerja kursus pelajar mengikut jadual gerak kerja yang disediakan.
- Sebarang persoalan dan aduan berkaitan penyeliaan kumpulan boleh dimajukan kepada Ketua Penyelia (Wakil PTJ) mengikut pusat pengajian masing-masing seperti yang disenaraikan dalam Perkara 11 berikut.

## 11. SENARAI NAMA KETUA PENYELIA (WAKIL PTJ) BAGI SETIAP PUSAT PENGAJIAN

PUSAT PENGAJIAN	NAMA KETUA PENYELIA	EMAIL
Ilmu Kemanusiaan	Dr. Aiza Maslan @ Baharudin	aizamaslan@usm.my
Ilmu Pendidikan	Dr. Chin Huan	chinhuan@usm.my
Komunikasi	Dr. Mahyuddin Ahmad	din_rahman@usm.my
Pengurusan	Dr. Rosmelisa Yusof	rosmelisa@usm.my
Sains Kemasyarakatan	Dr. Mohd Haizzan Yahaya / Dr. Nur Ajrun Khalid	m_haizzan@usm.my / nurajrun@usm.my

Seni	Encik Goh Chu Hiang	goh@usm.my
Bahasa, Literasi dan Terjemahan	Ms. Nadia Roselilyana Noordin	nadiarose@usm.my
Sains Farmasi	Dr. Noratiqah Mohtar	noratiqah@usm.my
Sains Kajihayat	Dr. Hadura Abu Hasan / Dr. Azlinda Abu Bakar	hadura@usm.my / azlindaab@usm.my
Sains Fizik	Dr. Wan Mohamad Husni Wan Mokhtar	wanhusni@usm.my
Sains Kimia	Dr. Ahmad Faiz Abdul Latip	afaiz@usm.my
Sains Matematik	Dr. Yazariah Mohd Yatim	yazariahmy@usm.my
Sains Komputer	Dr. Nor Athiyah Abdullah	athiyah@usm.my
Teknologi Industri	P.M. Dr. Tan Joo Shun	jooshun@usm.my
Perumahan, Pembangunan dan Perancangan	Dr. Siti Hamidah Husain	sithamidahhusain@usm.my
Kejuruteraan Aeroangkasa	Dr. Mohammad Hafifi Hafiz Ishaik	mhafifihafez@usm.my
Kejuruteraan Awam	Dr. Rosnani Alkarimiah	cerosnani@usm.my
Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Prof. Madya Dr. Muhammad Nasiruddin Mahyuddin	nasiruddin@usm.my
Kejuruteraan Kimia	Dr. Ahmad Faiz Abdul Latip	afaiz@usm.my
Kejuruteraan Mekanik	Dr. Ahmad Fikri bin Mustaffa	afikri@usm.my
Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral	Ir Mohamad Azwan Mad Naseer	srazwan@usm.my
Sains Kesihatan	Dr. Mujahid Bakar	mujahid@usm.my
Sains Pergigian	Dr. Norzaliana Zawawi	norzaliana@usm.my
Sains Perubatan	Dr. Ramlah Kadir	ramlahkadir@usm.my
Sains Perubatan USM-KLE	Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Zuky / Pn. Nurfareza binti Sukri	nikzuky@usm.my / nurfareza@usm.my

## 12. PERINGATAN PENTING

- Akses kepada e-Learning USM adalah **WAJIB**. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta semua informasi berkaitan kursus ini menggunakan kaedah atas talian (*online*).
- Pelajar perlu menanda kehadiran secara atas talian melalui portal e-Learning mengikut ketetapan jadual kuliah yang telah ditetapkan.
- Komponen **KUIZ** dan **UJIAN** akan dijalankan **SERENTAK** bagi **SEMUA KAMPUS** dan bersifat **TIADA ULANGAN**.
- Pelajar yang gagal melaksanakan kesemua komponen kerja kursus (tanpa alasan yang kukuh) akan diberikan Gred F.
- Pelajar perlu memperolehi sekurang-kurangnya **Gred C** untuk memenuhi syarat graduasi.

## 13. BAHAN RUJUKAN

Collinson, D., Plant, K. and Wilkinson, R. (2000). *Fifty Eastern Thinkers*. London: Routledge.

Dzulkifli A.R. and Rosnani H. (penyunting). (2019). *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.

Haldane, J. (2009). *Practical Philosophy: Ethics, Society and Culture*. Exeter: Imprint Academic.

Pigliucci, M., Cleary, S.C. and Kaufman, D.A. (editors). (2020). *How to Live a Good Life: A Guide to Choosing Your Personal Philosophy*. New York: Vintage Books.

SELAMAT MENGIKUTI KURSUSINI DAN SEMOGA BERJAYA!

DISEDIAKAN OLEH:

**DR. AIZA MASLAN @ BAHRUDIN**  
(PENYELARAS KURSUS HFF225)